

|              |   |          |            |
|--------------|---|----------|------------|
| Headline:    | Six countries to slug it out  |          |            |
| Media Title: | Berita Harian (Mon-Sat)   | Date:    | 2015-03-21 |
| Section:     | Sport   | Page No: | 27         |
| Description: | Singapore will be hosting the 5th South-East Asia Pencak Silat Championship next month which will see five regional powerhouse including Singapore taking part - Vietnam, Malaysia, Indonesia, Thailand and Brunei. |          |            |

MENJELANG SUKAN SEA 2015

## Enam negara uji kekuatan

► ISMAIL ALI  
ismail@spoh.com.sg

SINGAPURA menjadi hos Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara Kelima bulan depan yang akan menemukannya kelima-lima pasukan silat terkuat di rantau ini – Vietnam, Malaysia, Indonesia, Thailand serta negara hos – dan Brunei.

Kejohanan itu yang berlangsung dari 3 hingga 6 April di Dewan Sukan Toa Payoh, akan mempertandingkan 15 kategori tanding dan enam kategori seni.

Lima lagi negara iaitu Kembuja, Myanmar, Filipina, Laos dan Timor Leste tidak mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) bercadang menggunakan kejohanan tersebut untuk menguji bukan sahaja persediaan pesilat negara, malah kesedian suka rawatan dan perkerja di bawah kendalian Jawatankuasa Pengangur Sukan SEA Singapura (Singsoc) untuk menganjurkan Sukan SEA Jun ini.

"Pertandingan ini akan memberikan kami melihat persiapan pesilat Team Singapore yang akan bertanding dalam Sukan SEA."

"Pasukan jurulatih Persisi mahu melihat pesilat negara memberikan persembahan maksimum dalam kejohanan ini dan mereka tidak boleh tarik-tarik kemampuan mereka lagi."

"Kami pastinya akan berasa bimbang jika mereka masih tidak memberikan segala-galanya dengan Sukan SEA sudah berada begitu dekat."

"Saya diberitahu bahawa hampir kesemuanya yang mengambil bahagian akan menghantar seluruh pasukan kecuali Indonesia yang akan menghantar tiga suku pasukan dan Brunei separuh pasukan," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Persisi Sheik Alau'ddin Yacob Marican.

Menurut beliau, kesemuanya negara ingin menguji kemampuan pesilat masing-masing sebelum Sukan SEA dan Singapura juga mahu menggunakan kesempatan ini melihat tahap kemampuan pesilat negara.

"Kami mahu melihat sejauh ma-



PERLU PAMER KEUPAYAAN MAKSIMUM: Pesilat negara digesa memberikan persembahan terbaik dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara Kelima ini untuk dijadikan batu loncatan untuk mencapai keputusan terbaik dalam Sukan SEA dan merebut tempat dalam Pasukan A negara dalam pertandingan akan datang. — Foto fail

nn mereka mampu melangkah selepas menjalankan latihan tambahan.

"Ini kerana pertandingan ini akan menjadi batu loncatan bagi pesilat negara mencapai keputusan terbaik yang diharapkan dalam Sukan SEA dan Singapura juga mahu menggunakan kesempatan ini melihat tahap kemampuan pesilat negara."

"Kami mahu melihat sejauh ma-

Sheik Alau'ddin, yang turut berindak sebagai ketua jurulatih skuad negara.

Beliau menambah, kejohanan kali ini akan mempertandingkan 11 acara tanding lelaki, empat acara tanding wanita, tiga acara seni lelaki dan tiga seni wanita.

"Dalam acara tanding Kelas A

(45-50 kg), Singapura terpaksa me-

ngundurkan Ridhwan Selamat atas nasihat doktor selepas pesilat itu mengalami kecederaan pada buku la-

nya. Tempat Ridhwan akan digantikan Muhammad Haziq Zainal Abidin, yang perlu membuktikan ke-

mampuan apabila disertakan pada saat-saat akhir," ujar Sheik Alau'd-

din lagi.

Selain itu, Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara ini membolehkan Persisi dan Singsoc menguji kesediaan menganjurkan acara silat dalam Sukan SEA nanti.

"Kami juga mendapat sokongan dan bantuan Sukan Singapura (SportSG) untuk menganjurkan per-

